

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 11 JANUARI 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 8

### Mekanisme lapuk kawal harga barang akan dikaji

# Mekanisme lapuk kawal harga barang akan dikaji

Menteri dakwa kaedah diguna ketinggalan zaman

Oleh Noor Atiqah Sulaiman dan Samadi Ahmad  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) akan mengkaji semula mekanisme kawalan harga barang yang dikatakan sudah ketinggalan zaman.

"Kita akan kaji semula (mekanisme kawalan harga barang dan penetapan harga siling) kerana ia sudah setahun (mekanisme itu) kita guna," kata Menteri KPDN, Datuk Seri Salahuddin Ayub pada sidang media selepas majlis Amanat Tahun Baharu 2023 kepada 'warga ke-



Salahuddin pada sidang media selepas menyampaikan majlis Amanat Tahun Baharu 2023 KPDN di Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

menteriannya, semalam.

Sebelum ini, Presiden Perserikatan Persatuan Peniaga Barang Runcit Malaysia, Hong Chee Meng meminta kerajaan supaya

menilai semula mekanisme kawalan harga yang sudah ketinggalan zaman.

Beliau berkata, tindakan mengawal harga barang itu meny-

babkan barang kawalan seperti telur, gula putih, minyak masak dalam peket dan tepung sering mengalami masalah kekurangan dalam pasaran.

#### Bekalan minyak masak cukup

Sebaliknya barang yang harganya tidak dikawal pula mempunyai bekalan yang mencukupi.

Sementara itu, ketika ditanya mengenai masalah kekurangan bekalan minyak masak bersubsidi yang masih berlaku, Salahuddin berkata, secara keseluruhannya bekalan minyak masak masih mencukupi.

"Nak kata keseluruhan minyak masak sudah tidak ada itu, perkara itu tidak benar. Minyak masak bersubsidi itu masih diedarkan di seluruh negara."

"Cuma ada beberapa kawasan atau lokasi yang mengalami masalah bekalan berkenaan, namun untuk isu ini pegawai akan mengambil tindakan bagi mengatasi masalah ini secepat mungkin," katanya.